



# LEGASI

Dulu Dikenali Sebagai Buletin IPTG

# ليگاسي

Bil.16/1446H/2024

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA



# Salam Maulidur Rasul

## Menarik

Doa Mohon Perlindungan Diri 06

Kelahiran pembawa Rahmat 07

Sifat Terpuji Rasulullah S.A.W 13

IMBAS OR  
DIBAWAH !







# Kalam Menteri Besar

كلام

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin limpah kurniaNya Buletin IPTG Bil.16/1446H/2024 dapat diterbitkan. Terima kasih diucapkan khususnya kepada pasukan sidang redaksi yang bertungkus lumus sehingga berjayanya menerbitkan buletin edisi kali ini.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) kerana terus memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Kita sebagai penjawat awam, mempunyai nilai yang tinggi disisi Allah SWT kerana kita bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan kepada seluruh masyarakat khususnya rakyat Kelantan dan melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sesungguhnya tahun ini pasti lebih mencabar bagi semua penjawat awam dan semua Urus Setia Kerajaan Negeri dalam memastikan visi dan misi organisasi tercapai. Tahun ini merupakan tahun ke-34 pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan ditunjangi oleh dasar Membangun Bersama Islam dan kini diteruskan dengan **"Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI)"** yang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri Kelantan. Ianya perlu disebar luas agar semua pihak dapat memahami seterusnya melaksanakan sekaligus menghayati dalam seluruh kehidupan. Ini merupakan anugerah oleh Allah SWT kepada seluruh rakyat Kelantan dalam meletakkan Islam sebagai al-Din di kedudukan yang paling tinggi. Hasrat saya amatlah besar agar pengembangan dasar Membangun Bersama Islam ini diteruskan lagi oleh IPTG menerusi aktiviti-aktiviti dan program-program yang bakal dilaksanakan sepanjang tahun ini. Insyaa-Allah.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan dan kejayaan kepada semua warga IPTG. Semoga segala usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih. Wassalam

## ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Dengan hormatnya,

Dato' Panglima Perang  
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassruddin bin Haji Daud  
S.J.M.K. D.J.M.K., J.M.K.(Kelantan)  
Menteri Besar Kelantan

“”



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT:

**"Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya berselawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu untuknya dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya."** (al-Ahzab: 56)

Segala pujian hanya bagi Allah SWT yang merupakan Pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta seluruh penyambung risalah Islam yang suci ini.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran kepada Allah SWT atas terbitnya Legasi Bil.16/1446H/2024 oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG).

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar di atas pelantikan saya sebagai Penasihat Khas IPTG dalam memperkukuh peranan IPTG sebagai sebuah institusi terulung dalam mengabadikan legasi Kepimpinan Ulamak bagi mengukuh dan mengembang Dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat dan sidang redaksi Legasi serta seluruh warga IPTG di atas segala komitmen, kerjasama, sumbangan dan kerja keras yang ditunjukkan dalam usaha menerbitkan Legasi edisi kali ini.

Akhir kata, saya berdoa agar segala usaha dan iltizam yang ditunjukkan diberkati oleh Allah SWT. Siiru 'Ala Barakatillah.

Sekian, terima kasih. Wassalam

**ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT  
PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

Dengan hormatnya,

**Dato' Bentara Kanan**

**USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB, S.J.M.K., D.J.M.K., ( Kelantan )**

Penasihat Khas,

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

“”





Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

***“Kamu hanyalah menyembah berhala-berhala yang diperbuat oleh orang, tidak menyembah Allah yang mencipta segala-galanya, dan kamu hanya mengadakan penyembahan yang dusta. Sesungguhnya mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah itu, tidak berkuasa memberi rezeki kepada kamu; oleh itu carilah rezeki dari sisi Allah, dan sembahlah akan Dia, serta bersyukur kepadaNya; (ingatlah), kepada Allah jumlah kamu akan dikembalikan”. (al-Ankabut: 17)***

Saya merafakkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda SAW kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dapat meneruskan usaha menerbitkan Legasi pada kali ini Bil.16/1446H/2024 dengan jayanya.

Legasi edisi kali ini memaparkan semua aktiviti dan program yang telah berjaya dilaksanakan oleh IPTG sepanjang bulan Jun hingga September 2024. Antara program di bawah Unit Latihan yang telah berjaya dilaksanakan ialah Kursus Pemantapan Pengurusan Khidmat Pelanggan kepada Petugas Barisan Hadapan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan, Kursus Penerapan Kefahaman Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) Siri III dan lain-lain lagi. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program tersebut.

Akhir sekali, saya berharap Legasi ini menjadi sumber inspirasi dan panduan yang bermanfaat bagi kita semua. Semoga informasi dan wawasan yang disajikan dalam Legasi ini dapat memperkaya pengetahuan dan memperkuat komitmen kita bersama. Dengan penuh harapan, marilah kita berdoa agar segala usaha dan niat baik kita senantiasa diberkati dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat, P.S.K. D.P.S.K. (Kelantan)  
Pengarah  
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)



## Isi Kandungan

06

Doa Mukmin

07

Maulid Nabi

09

Kapsul Figura

10

Infografik

12

Sebarkan Sunnah

13

Berita@Info

15

Sedekah

17

Pesan Tok Guru

18

Lensa IPTG

## Sidang Redaksi

### **PENAUNG**

YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud

### **PENASIHAT KHAS**

YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob

### **PENASIHAT**

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat

### **PENYELARAS**

Ustaz Zulkipli bin Mat Yusof

### **PENOLONG PENYELARAS**

Mohd Hafizi bin Mahadi

### **KETUA PENGARANG**

Nurliyana binti Ahmed

### **SIDANG PENGARANG**

Norshafinaz binti Nazaruddin

### **EDITOR**

Nur Aimi bt Baharom

### **ARTIKEL**

Anis Nadhirah binti Azhar  
Nur Syazana Athirah binti Izazi  
Wan Ahmad Ashraf bin Wan Adnan

### **JURUFOTO**

Muhammad Khairul Naim bin Jazli

### **PROMOSI/ IKLAN/GRAFIK**

Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

### **ALAMAT SURAT MENYURAT**

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG),  
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,  
Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

### **REKA BENTUK & CETAKAN**

Wanza Advertising & Printing  
No 26, Tingkat 1, Jalan Mat Kilau,  
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur  
No.Telefon: 09 7648629  
Emel: wanzanet.hq@gmail.com

## 1 Doa agar dilindungi daripada segala bahaya yang tidak diketahui

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ  
شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: Dengan nama Allah yang bila disebut, segala sesuatu di bumi dan langit tidak akan berbahaya, Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

## 2 Ayat Kursi

Maksudnya: Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya).

## 3 Bacaan Surah 3 Qul

Al-Ikhlâs, Al-Falaq, An-Nas

# DOA دَعَاءُ MOHON Perlindungan Diri

## 4 Doa agar dilindungi binatang buas & penyakit 'Ain

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ، مِنْ  
كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ  
عَيْنٍ لَامَّةٍ

Maksudnya: Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari semua syaitan dan binatang buas, serta dari pandangan mata yang membawa keburukan.

## 5 Doa perlindungan diri daripada kejahatan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Maksudnya:

Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan ciptaanNya.



# رَبِيعُ الْأَوَّلِ

## Rabiul Awal

### Kelahiran Pembawa Rahmat

**Nabi Muhammad SAW** dilahirkan pada tanggal 12 Rabiul Awal, pada hari Isnin tahun 571 Miladi di Kota Mekah. Beliau dilahirkan setelah kematian ayahnya, Abdullah bin Abdul Mutallib, ketika masih dalam kandungan ibunya, Aminah. Tahun itu juga dikenali sebagai tahun gajah kerana berlaku satu peristiwa di mana pasukan bergajah yang dipimpin oleh Abrahah menyerang Ka'bah. Allah SWT melindungi Ka'bah dengan mengirim burung Ababil yang membawa batu dari neraka untuk menghalau pasukan tersebut. Peristiwa ini menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang Maha Berkuasa.

Bekaitan sambutan hari kelahiran, Nabi Muhammad SAW tidak pernah memerintahkan umat Islam untuk merayakan hari kelahirannya. Namun, sambutan yang berbentuk kuliah atau forum pada zaman kini sangat dianjurkan bagi mendidik masyarakat supaya mendalami kepayahan perjalanan sirah Nabi dalam menyebarkan syiar Islam yang penuh dengan mehnah dan tribulasi. Dalam masa yang sama, tazkirah atau pengisian rohani perlu menekankan masyarakat agar mencontohi akhlak dan sunnah Baginda SAW. Hal ini kerana Nabi Muhammad SAW diutus ke dunia ini untuk menjadi suri teladan dengan akhlak mulia berpandukan wahyu tuhan kepada umat manusia.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut nama Allah." (Al-Ahzab: 21)*

Ayat ini menegaskan bahawa Rasulullah SAW adalah contoh terbaik bagi umat Islam dalam segala aspek kehidupan. Salah satu akhlak utama Rasulullah SAW adalah sifat lemah lembutnya yang tercermin dalam kehidupan sehari-hari. Sifat lemah lembut ini mencerminkan ajaran Islam sebagai agama yang membawa rahmat bagi seluruh alam bahkan menjadi aspek penting dalam membina hubungan yang harmoni dalam masyarakat.

Berdasarkan Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Dan demi rahmat Allah, kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu." (Ali Imran: 159)*

ربيع الأول  
*Rabiul Awal*  
 Kelahiran Pembawa  
 Rahmat

Selain itu, kebijaksanaan adalah satu lagi ciri utama yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW. Baginda sentiasa menggunakan hikmah dan kearifan dalam menyampaikan dakwah, berusaha memenangkan hati umat dengan cara yang damai dan penuh kebijaksanaan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik." (An-Nahl 125)*

Ayat ini menggambarkan betapa pentingnya pendekatan yang bijaksana dalam berdakwah dan berkomunikasi dengan orang lain.

Rasulullah SAW juga sangat mengasihi dan menyayangi sesama muslim. Baginda mengajarkan umatnya untuk saling mengasihi, mencintai, melindungi, menutup aib, tidak menghina, memfitnah, apalagi menumpahkan darah sesama muslim. Prinsip ini dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan orang-orang yang ada kesucian dalam harta mereka sendiri, dan tidak memberikan kepada orang lain (yang memerlukan) dan kepada orang yang meminta-minta." (Al-Ma'un 2-3)*

Rasulullah SAW juga bersabda:

*"Janganlah kalian saling mendengki, membenci dan memutus persaudaraan. Dan jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara." (HR Bukhari: 5717)*

Berdasarkan petikan al-Quran dan hadis yang dinyatakan, kita dapat mengetahui bahawa Rasulullah SAW adalah *role model* yang sangat sempurna dalam kehidupan. Sebagai umat Islam, kita wajib mengambil contoh dari akhlak Baginda untuk diterapkan ke dalam setiap zarah kehidupan. Oleh itu kepatuhan terhadap ajaran agama dan kesungguhan dalam meneladani akhlak Baginda, pasti akan membawa kejayaan, tidak hanya kehidupan di dunia bahkan mampu mengecapi kebahagiaan di akhirat.



Tazkirah  
Tok Guru

## Susur Galur Keturunan NABI MUHAMMAD SAW

Tajuk harini *nasabun nabi wa usratuhu* tajuk harini nya titih (salasilah) baris nabi dan keluarga nabi jare-jare kita dengar, kata dia titih baris nabi ni ada tiga kategori ambo baco terus tak payah baca arab, titih baris nabi ni bila kita kaji daripada kitab-kitab yang ditulis oleh orang-orang dulu mengandungi tiga kategori, satunya ialah titih baris yang semua sekali ahli *siyar wa ansar* ore yang berikhtisas dalam bahagian titih baris ni dia panggil *as siyar wa ansar* iaitu mulo daripada Nabi Muhammad sampai kepada Adnan, Adnan ni di antara Tok Nabi, hokni kata dio *muttafaq 'alaih*, Muhammad Nabi Muhammad bin Abdullah bin bin bin bin Adnan, hokni *muttafaq 'alaih*, satgi ambo baca, dan satu perkara yang keduanya hok lepas pada Adnan tu hok menyampai ke Nabi Ibrahim, Nabi Ibrahim hok kita duk sebut nama dale semaye Allahuma solli ala Muhammad wa ala ali saidina Muhammad kama sollaita ala Ibrahim, Ibrahim tuh tok bagi Nabi kita jugak secara fizikalnya dan Tok kita ore Melayu secara rohaninya, daripada Adnan nak nyampai kepada Nabi Ibrahim ni khilaf, duo.

Yang ketiganya, *start* Nabi Ibrahim ke Tok Adam, daripada Ibrahim bin bin Ibrahim sapa ke Tok Adam habih manusio situ tuh makin lagi ikhtilaf tapi ada hok ore tulis ini kelebihan orang Arab, kelebihan orang Arab nih dengan keadaan dio tidak reti baca tak reti nulis zaman haritu dia bulih ingat titih baris dia dan tuan-tuan baca dale kitab orang arab nih dia punya caro ke titih baris menyebabkan dia sayang kepada nasab, nasab ni dio sayang, sebab tu Tuhan haram zina, zina rogol nih barang haram kerana bila mu berzina maka budak tuh takdak titih putus hubungan dengan manusio gih rumah ore tuh tidok pok dio mak ore tuh tidok mok dio jadi hidup macam kera sumbang ore panggil, ini bahaya akhir sekali jadi puok dadah la puok nyamun gapo semua sekali jadi tiga, pertama daripada Nabi Muhammad ke Adnan tok dia hok nama Adnan ni *muttafaq 'alaih* satu lagi daripada Adnan naik ke Nabi Ibrahim hokni *mukhtalaf* yang ketiga daripada Nabi Ibrahim sampai ke Nabi Adam tu *ikhtilaf*, baik sekarang ambo baco titih baris nabi Muhammad sampai ke Adnan.

Pertamanya Muhammad bin Abdullah bin Abdul Motalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qushay bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Lu'ayy bin Ghalib bin Fihir bin Malik bin An-Nadr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudar bin Nizar bin Maad bin Adnan. Berapa? Dua puluh satu.

IMBAS QR CODE UNTUK  
TONTON VIDEO DI

TikTok



# 1 | SIDDIQ (BENAR)

Firman Allah SWT:

"Mereka (Nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutlah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka; Katakanlah: "Aku tidak meminta upah kepada kamu mengenai petunjuk (al-Quran yang aku sampaikan) itu. Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk dalam seluruhnya." (Al-An'am: 90)

Semua perbuatan Rasulullah SAW selalu jujur dan perbuatannya selalu benar. Semua rasul yang diutus untuk menyampaikan wahyu dari Allah SWT melaksanakan tugas mereka dengan betul. Mereka berdakwah melalui kata-kata dan tindakan. Kata-kata dan tindakan mereka yang dijamin kebenarannya sentiasa menjadi contoh teladan bagi pengikut mereka.

1



SIDDIQ  
الصدیق

2



AMANAH  
أمانة

# 4 SIFAT TR RASULU

# 3 | TABLIGH (MENYAMPAIKAN)

Firman Allah SWT:

"Nabi-nabi yang telah lalu itu ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintahNya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi Penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalas mereka)." (al-Ahzab: 39)

Tabligh membawa maksud menyampaikan dan ia merupakan salah satu sifat wajib para nabi. Rasulullah SAW menerima wahyu dari Allah SWT kemudian menyampaikannya kepada umat. Nabi Muhammad SAW gigih berdakwah menyampaikan ajaran Islam walaupun Baginda menerima tentangan hebat dari kaum musyrikin. Oleh itu, kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW hendaklah meneruskan tugas dakwah agar ajaran Islam terus tersebar dan dapat diamalkan.



## 2 | AMANAH (BOLEH DIPERCAYAI)

Firman Allah SWT:

"*Sesungguhnya aku ini Rasul yang amanah yang diutus oleh Allah kepada kamu.*" (as-Shu'araa: 143)

Amanah sangat penting untuk diamalkan oleh setiap muslim. Oleh kerana Nabi Muhammad SAW seorang yang boleh dipercayai, Saidatina Khadijah telah mengamanahkan Nabi Muhammad SAW untuk menguruskan perniagaan di Sham. Oleh kerana sifat amanah Nabi Muhammad SAW, ia menyebabkan kejayaan Baginda dalam perniagaan. Selain itu, keunggulan sifat amanah Nabi Muhammad SAW itu telah mendorong Masyarakat Arab memberikan gelaran al-Amin kepada Baginda yang bermaksud sangat dipercayai.

صفة ترف  
 TERPUJI  
 ULLAH SAW

3



TABLIGH  
 تبليغ

4



FATHONAH  
 فطنة

## 4 | FATHONAH (CERDAS)

Firman Allah SWT:

"*Dan itulah hujah (bukti) Kami, yang Kami berikan kepada Nabi Ibrahim untuk mengalahkan kaumnya. Kami tinggikan pangkat-pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.*" (al-An'am: 83)

*Fathonah* membawa maksud cerdas. Hal ini kerana tugas seorang Rasul adalah untuk membina umat yang terdiri daripada pelbagai jenis watak dan tingkah laku. Dalam usaha menyampaikan ajarannya, seorang Rasul perlu mengetahui teknik atau pendekatan yang tepat dan bersesuaian dengan situasi di sekelilingnya. Hanya orang yang cerdas dapat menyelesaikan segala permasalahan dalam masyarakat. Dengan kepandaian dan kecerdasan, para Nabi dan Rasul dapat mengatasi pelbagai permasalahan yang timbul dari kaum mereka.

# Muslim Yang Baik

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ.

Maksudnya: Daripada 'Abdullah bin 'Amr RA daripada Nabi SAW bersabda: "Seorang Muslim (yang sempurna Islamnya) ialah (apabila) seseorang Muslimin (yang lain) selamat daripada (keburukan) lidahnya dan tangannya, manakala seorang muhajir (yang berhijrah) adalah seseorang yang meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT." (HR Bukhari: 6484)

1

Perkataan Islam berasal daripada perkataan salam yang bermaksud selamat sejahtera. Perkataan Muslim pula merujuk kepada orang yang memberikan keselamatan dan menerima keselamatan. Oleh itu, jika seseorang itu tiada sifat selamat dalam dirinya ia diibaratkan seperti tiada Islam dalam dirinya.

2

Seseorang muslim yang sempurna mestilah berusaha untuk melaksanakan rukun-rukun agama dan menghindari daripada melakukan sebarang angkara dan pencerobohan terhadap orang yang tidak mengganggu keselamatannya, sama ada dengan lidahnya atau dengan tangannya atau dengan apa jua sekalipun. Sebaliknya jika seseorang Muslim sanggup melakukan sesuatu perkara yang boleh merosakkan orang lain, maka dia termasuk dalam golongan orang yang tidak sempurna Islamnya.

3

Seseorang Muslim yang baik adalah apabila dia mampu menjaga keselamatan orang lain selepas dirinya berhijrah dalam meninggalkan perkara-perkara buruk yang dimurkai Allah SWT.



# BULETIN@INFO

● 'UBUDIYYAH

● MAS'ULIYYAH

● ITQAN

1 September 2024 | Ahad

<https://iptg.my/>

## KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN KHIDMAT PELANGGAN KEPADA PETUGAS BARISAN HADAPAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI KELANTAN

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan telah mengadakan Kursus Pemantapan Pengurusan Khidmat Pelanggan Kepada Petugas Barisan Hadapan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan. Kursus ini telah diadakan selama tiga hari bermula pada 17 Zulhijjah 1445H bersamaan 24 Jun 2024 hingga 19 Zulhijjah 1445H bersamaan 26 Jun 2024 bertempat di Dewan Seminar MABNA, Kompleks Kota Darulnaim. Seramai 104 orang peserta yang menghadiri kursus ini terdiri daripada Pegawai Khidmat pelanggan, Pembantu Tadbir, Pembantu Penguatkuasa, Pembantu Operasi, Pembantu Penilaian dan Pembantu Am yang mewakili 12 PBT Negeri Kelantan.



### OBJEKTIF KURSUS

- 1) Menghayati dasar MBI dan UMI melalui perkhidmatan kaunter pelanggan
- 2) Melaksanakan prinsip-prinsip 'Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan dalam pekerjaan dan kehidupan
- 3) Meningkatkan kualiti petugas barisan hadapan
- 4) Memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan

# BULETIN@INFO

● 'UBUDIYYAH

● MAS'ULIYYAH

● ITQAN

1 September 2024 | Ahad <https://iptg.my/>

## KURSUS PENERAPAN KEFAHAMAN 'UBUDIYYAH, MAS'ULIYYAH DAN ITQAN (UMI) SIRI III



Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengadakan Kursus Penerapan Kefahaman 'Ubudiyah, Mas'uliyah Dan Itqan (UMI) Siri III kepada 34 orang kakitangan baharu PKINK dan anak syarikatnya Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB). Kursus ini berlangsung selama 3 hari iaitu pada 15 Muharam 1446 bersamaan 21 Julai 2024 hingga 17 Muharam 1446 bersamaan 23 Julai 2024 bertempat di Permai Hotel, Kuala Terengganu.





# سَدَقَةٌ

## SEDEKAH

### AMALAN KECIL, MANFAAT BESAR



Sedekah merupakan satu amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam, kerana ia bukan sahaja mendekatkan seseorang kepada Allah, tetapi juga mempunyai banyak manfaat kepada individu dan masyarakat. Sedekah membawa keberkatan dalam hidup, merapatkan hubungan antara manusia dan memberikan impak positif yang meluas kepada penerimanya.

Sedekah berasal daripada perkataan Arab *sadaqah* yang bermaksud pemberian secara sukarela. Ia melibatkan segala bentuk sumbangan yang diberikan dengan niat ikhlas untuk membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan. Sedekah tidak terhad kepada wang sahaja; ia boleh dalam bentuk bantuan tenaga, nasihat, atau apa sahaja yang bermanfaat kepada orang lain. Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Tiap-tiap kebaikan adalah sedekah." (HR Muslim)

Ini menunjukkan bahawa setiap perbuatan baik yang dilakukan dengan niat ikhlas adalah dikira sebagai sedekah. Terdapat banyak kelebihan bersedekah yang disebut dalam al-Quran dan hadis, antaranya:

#### 1. Mendapat Keberkatan Rezeki

Sedekah menjadi sebab bertambahnya rezeki seseorang. Allah SWT berfirman:

*"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada tiap-tiap tangkai itu terdapat seratus biji." (al-Baqarah: 261)*

#### 2. Menghapuskan Dosa

Sedekah dapat menjadi penebus dosa. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi, Nabi Muhammad SAW bersabda:

*"Sedekah itu memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api."*

#### 3. Melindungi Daripada Bala

Dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda:

*"Bersegeralah bersedekah, kerana bala tidak pernah melangkahi sedekah."*

#### 4. Membawa Kebahagiaan

Memberi kepada orang lain, terutamanya yang memerlukan, dapat membawa kebahagiaan bukan sahaja kepada penerima, tetapi juga kepada pemberi. Ia mengajar manusia untuk lebih bersyukur atas nikmat yang dimiliki dan memahami keadaan orang lain

Terdapat pelbagai cara untuk bersedekah tidak kira besar atau kecil. Antaranya ialah:

##### 1. Sedekah Wang

Sumbangan wang kepada mereka yang memerlukan atau kepada masjid, sekolah, dan badan-badan kebajikan adalah salah satu bentuk sedekah yang paling umum.

##### 2. Sedekah Barang

Selain wang, pemberian dalam bentuk barang seperti makanan, pakaian atau peralatan rumah yang masih dalam keadaan baik juga adalah satu bentuk sedekah.

##### 3. Sedekah Tenaga dan Masa

Membantu orang lain dengan tenaga atau masa juga dianggap sedekah. Contohnya, membantu orang tua mengangkat barang, memberi tunjuk ajar kepada pelajar yang memerlukan bimbingan atau melakukan kerja-kerja sukarela.

##### 4. Sedekah Senyuman

Nabi Muhammad SAW bersabda: "*Senyummu kepada saudaramu adalah sedekah.*" (HR Tirmizi). Ini menunjukkan bahawa amalan kecil seperti memberi senyuman kepada orang lain pun dihitung sebagai sedekah.

##### 5. Berkongsi Ilmu

Ilmu yang bermanfaat adalah salah satu bentuk sedekah yang akan berterusan pahalanya. Mengajar orang lain, terutama ilmu yang boleh membawa kebaikan adalah amalan yang sangat digalakkan.

Kesimpulannya, sedekah adalah satu amalan yang memberi manfaat besar kepada pemberi dan penerima. Ia bukan sahaja dapat meningkatkan kebahagiaan, tetapi juga membantu memperbaiki kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Dengan bersedekah, seseorang dapat mendekati diri kepada Allah SWT, membersihkan jiwa dan memperbanyakkan pahala. Sedekah juga mengajar kita untuk sentiasa bersyukur dan prihatin terhadap nasib orang lain.

# صدقه

# SEDEKAH

## AMALAN KECIL, MANFAAT BESAR







# MUKMIN SEJATI

“Menjadi mukmin sejati adalah impian orang beriman. Mereka berusaha meneladani Rasulullah SAW agar termasuk dalam golongan yang diredai. Maka, laluan untuk menjadi orang yang beriman juga perlu melalui jalan yang dibina Rasulullah SAW.”

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.” [HR Ahmad: 8952]



Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru  
Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat

## Pesan Tok Guru

“Dalam perjuangan ini, idola kepada para pejuang ialah Rasulullah SAW. Sebagaimana Rasulullah SAW merupakan seorang yang bersifat dengan sifat fatonah (cerdik), demikianlah kita sebagai seorang pejuang, perlu bersifat dengan fatonah. Fatonahnya kita ialah dengan mempelajari semula sejarah Rasulullah SAW dan melaksanakan dalam kehidupan kita pada hari ini...”

## IDOLA

Firman Allah SWT:

“Katakanlah (wahai Muhammad): *“Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku (Rasulullah), nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”* [Al-Imran: 31]

Allah SWT telah mengakui bahawa kekasihNya Rasulullah SAW adalah merupakan contoh teladan yang terbaik untuk diikuti sebagaimana firmanNya:

Maksudnya: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik.”* (al-Ahzab: 21)





Search



Lensa IPTG 12 hours ago

## USRAH PENOLONG KANAN YAYASAN ISLAM KELANTAN

7 Zulhijjah 1445H / 13 Jun 2024 | Masjid Maahad Muhammadi Perempuan




Lensa IPTG 12 hours ago

## PROGRAM

### SIJIL PENGHAYATAN UBUDIYAH, MAS'ULIYAH DAN ITQAN (UMI)

### SIRI 1 TAHUN 2024 / 2025 (MINGGU 1) & (MINGGU 2)

23 Zulhijjah 1445H / 20 Jun 2024 & 20 Zulhijjah 1445H / 27 Jun 2024  
Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim







Search



Lensa IPTG  
12 hours ago

## Lawatan dari Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah Ke IPTG

23 Safar 1446H / 28 Ogos 2024 | Institut Pemikiran Tok Guru



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like

Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago


Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like


Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like

Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago

## Lawatan IPTG ke BIZARA

24 Safar 1446H / 29 Ogos 2024 | BIZARA



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like

Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago

Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like

Comment



Lensa IPTG  
12 hours ago

Like

Comment





*Merafak Sembah*  
**TAHNIAH**

Sempena

*Ulang Tahun Keputeraan*

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN MUHAMMAD V  
YANG KE-55, TAHUN 2024**

Pada

**SEPT | 29 | 2024**

Bersamaan 25 Rabiul Awal 1446H

**“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”**

**SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU  
DUNIA DAN AKHIRAT**